

13/09/2003

Peruntukan tonggak pemodenan bidang pertanian

FAMA yakin peruntukan yang diberikan kerajaan dalam Bajet 2004 mampu menjana sektor pertanian selaras usaha memodenkan lagi sektor itu.

Ketua Pengarah Fama, Datuk Wan Ibrahim Wan Daud, berkata walaupun peruntukan itu lebih banyak memberi tumpuan kepada sektor swasta, pihaknya yakin ia membantu memodenkan bidang pertanian sekali gus menerajui pertumbuhan ekonomi.

Beliau berkata, ini dapat dilihat menerusi usaha kerajaan dengan menyediakan pelbagai insentif kepada golongan berkenaan termasuk pinjaman kewangan dan Dana Modal Teroka.

"Kita yakin bajet yang bertujuan merangsang pembangunan melalui sumber dalaman selain meningkatkan pembabitan sektor swasta ini akan memberikan manfaat kepada semua pihak.

"Malah, kita yakin pembabitan sektor swasta mampu menggalak dan memesatkan pertumbuhan ekonomi negara di samping berkongsi kepakaran dalam penggunaan teknologi moden dengan syarikat tempatan. Sebagai contoh mereka boleh menyediakan lebih banyak rangkaian penyimpanan sejuk bagi produk pertanian mudah rosak," katanya.

Beliau mengulas Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Kerajaan menyediakan RM33 bilion bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan sektor pertanian dalam usaha mempertingkatkan lagi pengeluaran makanan negara.

Selain itu, kerajaan juga menyediakan Kredit Mikro Desa berjumlah RM1 bilion menerusi Bank Pertanian Malaysia (BPM) bagi membantu pengusaha luar bandar.

Sementara itu, Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia menyifatkan Bajet 2004 sebagai satu peralihan dalam membantu pekebun kecil terutama membabitkan penanaman getah dan kelapa sawit.

Pengerusinya, Datuk Mazlan Jamaluddin berkata, dengan adanya skim Kredit Mikro Desa ia dapat menjadi dorongan positif yang boleh menggalakkan kepada pertanian komersial.